

## **BIL 1 TAHUN 2015**

### **PEMBANGUNAN DAN KETERGANTUNGAN : POLITIK LOKAL DI KAMPUNG PARIT BARU, SABAK BERNAM**

Oleh : Mohamed Salleh Lamry

#### **Abstrak**

Kajian ini menerangkan mengapa penduduk sebuah Kampung di Sabak Bernam, Selangor iaitu Kampung Parit Baru yang majoritinya terdiri daripada kaum tani, memberikan sokongan dan kesetiaan serta bergantung secara berterusan kepada UMNO dalam masa yang panjang (lebih daripada setengah abad). Data untuk kajian ini diperolehi daripada kajian berterusan terhadap kampung tersebut sejak tahun 1970-an. Kampung tersebut merupakan sebuah kampung yang mundur pada zaman penjajahan, tetapi mengalami pembangunan yang pesat pada zaman selepas kemerdekaan. Berdasarkan teori hubungan penaung-dinaung (patron-client) dan teori “tindakan politik kaum tani”. Kajian ini menghujahkan bahawa kaum tani di kampung itu sentiasa menyokong dan memberikan kesetiaan serta bergantung pada UMNO dan kerajaan, kerana mereka menganggap pemimpin atasan UMNO sebagai penaung yang menyampaikan pelbagai projek pembangunan kepada mereka. Pada masa yang sama sikap dan tindakan mereka sentiasa pula dipengaruhi dan “dipandu” oleh pemimpin tempatan, yang umumnya terdiri daripada pemimpin UMNO yang merupakan broker (perantara) antara mereka dengan pemimpin atasan UMNO yang mereka anggap sebagai penaung mereka dan peranan yang dimainkan oleh pemimpin tempatan sebagai broker antara penduduk kampung dengan pemimpin atasan UMNO yang menjadi penaung mereka itu ialah dua faktor utama yang mempengaruhi penduduk kampung tersebut supaya terus menyokong dan memberikan kesetiaan serta bergantung pada UMNO dalam masa yang begitu panjang.

Kata kunci : pembangunan, sokongan, ketergantungan, penaung-dinaung dan tidakan politik kaum tani.